

SULIT
Prinsip
Perakaunan
Okt/Nov
2023
1 ¼ jam

3756/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2023

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D.*
4. *Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

2 halaman tidak bercetak.

- 1 Maklumat berikut diperolehi dari Syarikat Hi-Star Sdn. Bhd yang menjalankan perkhidmatan pengiklanan di bandar Seremban.

Tarikh mula perniagaan	1 Jun 2023
Tempoh perakaunan	Satu tahun

Apakah tajuk yang betul untuk Penyata Kedudukan Kewangan bagi Syarikat Hi-Star Sdn. Bhd ?

- A Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024
 B Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2024
 C Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024
 D Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Mei 2024
- 2 Penyata kewangan perlu disediakan dengan baik untuk memastikan maklumat di dalamnya berguna kepada pelbagai pengguna mengikut ciri kualitatif yang bersesuaian.

Yang mana satukah ciri kualitatif asas?

- I Pemasaan
 II Kerelevanan /
 III Kebolehfahaman
 IV Perwakilan benar /
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV
- 3 Antara berikut yang manakah merupakan belanja bukan wang dalam perniagaan?
- A Sewa
 B Hutang lapuk
 C Kadar bayaran
 D Faedah atas pinjaman
- 4 Pada 2 Mac 2023, Encik Mansor telah mengeluarkan tunai di bank RM3 000 untuk kegunaan perniagaan.
- Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?
- A Bank bertambah, Tunai berkurang
 B Tunai bertambah, Bank berkurang
 C Modal bertambah, Bank berkurang
 D Tunai bertambah, Modal berkurang

- 5 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Seroja Enterprise.

Angkutan masuk RM300 dikenakan oleh pembekal

Apakah dokumen yang akan diterima oleh Seroja Enterprise dari pembekal?

- A Invois
 - B Bil tunai
 - C Nota debit
 - D Makluman kredit
- 6 Maklumat berikut diperolehi dari Kedai Runcit Mei Hwa, berkaitan Beras Cap Bunga berat 10 kg yang dijual di kedainya.

Harga kos	: RM25 sekampit
Harga jualan	: RM38 sekampit

Berapakah jumlah dalam invois untuk pembelian 50 kampakit beras oleh Kedai Runcit Mei Hwa jika diskaun niaga ialah 20% ?

- A RM1 000
 - B RM1 250
 - C RM1 520
 - D RM1 900
- 7 Antara berikut yang manakah direkodkan dalam Jurnal Khas?
- I Menjual barang niaga secara kredit
 - II Membeli barang niaga secara tunai
 - III Memulangkan barang niaga kepada pembekal
 - IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 8 Urus niaga manakah yang direkodkan dalam akaun aset?
- A Belanja membaiki pulih mesin
 - B Belanja membeli alat tulis pejabat
 - C Belanja menyelenggara kenderaan
 - D Belanja mengubahsuai premis perniagaan

- 9 Pasangan akaun manakah yang bertepatan dengan pengelasan akaun?

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
A	Insurans	Tunai
B	Bank	Inventori
C	Perabot	Alat tulis
D	Belian	Komisen

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan tunai runcit daripada buku Azman pada bulan Julai 2023.

	RM
Baki awal tunai runcit	80
Dana tunai diperuntukkan	300
Jumlah tunai yang telah dibelanjakan	180
Baki tunai runcit	120

Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar balik oleh ketua juruwang mengikut sistem panjar pada 1 Ogos 2023?

- A RM120
 B RM180
 C RM260
 D RM300
- 11 Akaun berikut diperoleh dari lejar Butik Pakaian Jemima.

Akaun Bank		
	2023	RM
	Mac 20 Gedung Pakaian Xtra	8 300
Gedung Pakaian Xtra		
	2023	RM
	Mac 20 Bank	8 300

Apakah urus niaga yang berlaku pada 20 Mac 2023?

- A Beli barang niaga secara tunai
 B Jual barang niaga secara tunai
 C Terima cek dari Gedung Pakaian Xtra
 D Bayar Gedung Pakaian Xtra dengan cek

- 12 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku Soleha Trading.

Imbangan Duga pada 30 April 2023

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Jualan		23 500
Akaun Belum Terima	14 100	
Ambilan		1 800
Pulangan masuk	2 500	

Butiran manakah yang akan menyebabkan Imbangan Duga tidak seimbang?

- A Jualan
- B Ambilan
- C Pulangan masuk
- D Akaun Belum Terima
- 13 Apakah fungsi Imbangan Duga?
- A Menghitung modal kerja
- B Menyemak ketepatan catatan bergu
- C Mengira untung kasar dan untung bersih
- D Menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti
- 14 Antara berikut manakah **bukan** sebab berlakunya hutang lapuk?
- A Pelanggan melarikan diri
- B Pelanggan diisytiharkan muflis
- C Pelanggan telah meninggal dunia
- D Pelanggan lewat membayar hutang
- 15 Puan Neeta hendak membuat pelaburan dan perlu membuat pilihan samada ingin melabur dengan Syarikat Azam Berhad atau Syarikat Kamarul Berhad.
- Analisis nisbah yang manakah perlu dipertimbangkan oleh Puan Neeta dalam membuat keputusan?
- A Nisbah Semasa
- B Pulangan atas Modal
- C Tempoh Kutipan Hutang
- D Kadar Pusing Ganti Inventori

16 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Wendra.

	RM
Belian	12 500
Pulangan keluar	400
Pulangan masuk	630
Insurans atas belian	800
Angkutan masuk	500
Inventori awal	1 500

Berapakah jumlah kos belian bagi Perniagaan Wendra?

- A RM13 170
- B RM13 400
- C RM14 670
- D RM14 900

17 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Gmart pada 31 Disember 2022.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	15 000	
Hutang lapuk	600	
Peruntukan Hutang Ragu		100

Pada 31 Disember 2022, peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima.

Hitungkan nilai peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

- A RM650
- B RM720
- C RM750
- D RM850

18 Apakah tujuan peniaga menyediakan Penyata Penyesuaian Bank?

- A Mengetahui prestasi untung atau rugi perniagaan
- B Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
- C Merekodkan aliran tunai masuk dan keluar dari perniagaan
- D Menyelaraskan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank

- 19 Maklumat berikut diambil daripada Siva Enterprise pada 31 Julai 2023.

	RM
Lengkapan (kos)	125 000
Susut Nilai Terkumpul Lengkapan	37 500

Pada 31 Julai 2023, semuaengkapan telah dijual dengan harga RM85 000 dengan cek. Hitungkan untung atau rugi atas pelupusanengkapan tersebut.

- A Rugi Pelupusan RM2 500
 B Untung Pelupusan RM2 500
 C Rugi Pelupusan RM40 000
 D Untung Pelupusan RM40 000
- 20 Kesilapan berikut telah dibuat oleh pemilik Kedai Elektrik Sham.

Jualan kepada Zamira bernilai RM520 telah direkodkan dengan betul dalam Akaun Jualan tetapi tersalah rekod dalam Akaun Zahira

Apakah jenis kesilapan tidak ketara berikut?

- A Kesilapan prinsip
 B Kesilapan terbalik
 C Kesilapan komisen
 D Kesilapan ketinggalan
- 21 Catatan berikut dikesan dalam buku perniagaan Kedai Perabot Ah Seng.

Belian komputer telah direkodkan sebagai belian barang niaga

Apakah catatan pembetulan yang perlu dibuat?

	Debit	Kredit
A	Belian	Alatan Pejabat
B	Alatan Pejabat	Belian
C	Inventori	Alatan Pejabat
D	Alatan Pejabat	Inventori

- 22 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Aiman bagi bulan September 2023.

	RM
Jualan	50 000
Kos Jualan	30 000
Inventori Awal	2 200
Inventori Akhir	2 800

Hitungkan kadar pusing ganti inventori.

- A 8 kali
 B 12 kali
 C 20 kali
 D 32 kali
- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Rais yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Akaun Belum Bayar	1 460	1 150

Maklumat tambahan : Pulangan keluar RM450

Akaun Bank

		2023	RM
	Mac 31	Akaun Belum Bayar	9 800
		Belian	4 520

Hitungkan jumlah belian.

- A RM9 490
 B RM9 940
 C RM14 010
 D RM14 460
- 24 Antara berikut yang manakah merupakan butiran pembayaran dalam Belanjawan Tunai?
- A Susut nilai
 B Hutang lapuk
 C Ansuran pinjaman
 D Dividen pelaburan

- 25 Maklumat berikut diambil daripada buku Sinar Enterprise pada 31 Mei 2023.

	RM
Aset	40 000
Liabiliti	14 840

Berapakah modal awal jika perniagaan mengalami kerugian RM3 960?

- A RM21 200
 B RM25 160
 C RM27 420
 D RM29 120
- 26 Petikan Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada buku Kirana Enterprise.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2023

	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		6 450
Tambah : Cek Belum Dikemukakan	3 200	
P	1 200	

Apakah butiran bagi P ?

- A Dividen
 B Caj bank
 C Cek tak laku
 D Faedah atas overdraf
- 27 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Syaza.

	RM
Modal Syarif	25 000
Modal Zarah	50 000
Faedah atas modal	5% setahun

Zarah membawa masuk modal tambahan pada 1 Julai 2022 sebanyak RM5 000.

Berapakah jumlah faedah atas modal Zarah bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2022?

- A RM2 375
 B RM2 500
 C RM2 625
 D RM2 750

28 Pernyataan manakah menerangkan kos berubah?

- A Belanja yang berkadar terus dengan perubahan harga jualan
- B Belanja yang tidak dipengaruhi oleh perubahan harga jualan
- C Belanja yang berkadar terus dengan perubahan volum pengeluaran
- D Belanja yang tidak dipengaruhi oleh perubahan volum pengeluaran

29 Maklumat berikut menunjukkan butiran Belanjawan Tunai Zaidi Enterprise bagi bulan Januari 2023.

	RM
Baki awal	2 000
<u>Penerimaan</u>	
Jualan	5 600
<u>Pembayaran</u>	
Belian	1 300
Gaji	1 800

Hitungkan lebihan atau kurangan.

- A Lebihan RM2 500
- B Lebihan RM4 500
- C Kurangan RM2 500
- D Kurangan RM4 500

30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Makmur.

	RM
Jumlah aset	38 000
Jumlah liabiliti	6 200

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM36 500. Belanja realisasi ialah RM650 dan semua liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM2 150
- B RM4 050
- C RM7 050
- D RM8 350

- 31 Persatuan Silat Gayung Seremban telah menerima derma untuk membina gelanggang silat. Maklumat ini akan direkodkan sebagai
- A pendapatan hasil
 - B perbelanjaan hasil
 - C pendapatan modal
 - D perbelanjaan modal
- 32 Butiran manakah yang dicatatkan di bahagian Ekuiti Pemilik di Penyata Kedudukan Kewangan bagi Butik Ammar dan Izzudin ?
- I Ambilan rakan kongsi
 - II Keuntungan rakan kongsi
 - III Akaun Modal rakan kongsi
 - IV Akaun Semasa rakan kongsi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 33 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Bimbingan dan Kaunseling Taman Permai. Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	RM
Yuran	2 700

Maklumat tambahan:

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Yuran belum terima	1 300	1 700
Yuran belum terperoleh	1 100	1 600

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

- A RM2 400
- B RM2 600
- C RM2 800
- D RM3 000

- 34 Maklumat berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Encik Amirul.

Pada 1 Februari 2022, Encik Amirul telah membeli 600 000 unit 6% Syer Keutamaan RM2 sesyer daripada Syarikat Turus Sdn. Bhd. Pada 31 Julai 2022, Encik Amirul telah menerima dividen interim bagi Syer Keutamaan.

Hitungkan dividen akhir Encik Amirul bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

- A RM30 000
 B RM36 000
 C RM66 000
 D RM72 000
- 35 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Perkongsian Aydeen sewaktu pembubaran perniagaan.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022

	<u>Liabiliti Semasa</u>	RM
	Akaun Belum Bayar	1 800

Maklumat tambahan:

Perkongsian Aydeen telah menerima diskaun sebanyak RM800 setelah membuat pembayaran penuh kepada Akaun Belum Bayar.

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Realisasi?

A

Akaun Realisasi	
	RM
Akaun Belum Bayar	800

B

Akaun Realisasi	
	RM
Akaun Belum Bayar	800

C

Akaun Realisasi	
	RM
Akaun Belum Bayar	1 000

D

Akaun Realisasi	
	RM
Akaun Belum Bayar	1 000

- 36 Pilih catatan bergu yang betul untuk merekodkan wang yang diterima dalam catatan terbitan syer.

	Debit	Kredit
A	Bank	Permohonan Syer
B	Permohonan Syer	Bank
C	Bank	Modal Syer
D	Modal Syer	Permohonan Syer

- 37 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Perwira.

	RM
Kos bahan langsung	22 180
Kos buruh langsung	10 580
Kos overhead	4 680
Kerja dalam proses awal	8 490
Kerja dalam proses akhir	9 730

Berapakah kos prima?

- A RM32 760
 B RM36 200
 C RM37 440
 D RM55 660
- 38 Kilang Sabun Aqidah menghasilkan sabun rawatan muka yang berasaskan minyak aroma kasturi. Kos yang terlibat dalam perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kos tetap	4 200
Kos berubah seunit	80
Harga Jualan seunit	95

Berapakah Titik Pulang Modal jika kos tetap meningkat 15%.

- A RM280
 B RM322
 C 280 unit
 D 322 unit

- 39 Antara berikut yang manakah merupakan kos tetap?
- I Sewa kilang
 - II Royalti kilang
 - III Gaji pekerja kilang
 - IV Gaji penyelia kilang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan IV
D III dan IV
- 40 Kilang Aisyah telah mengeluarkan kerepek ubi pedas yang dijual di pasaran dengan harga RM9 seunit. Kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kos tetap	43 000
Kos berubah	6.50

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Aisyah jika jumlah pengeluaran 28 000 unit?

- A RM15 000
- B RM17 200
- C RM27 000
- D RM70 000

KERTAS SOALAN TAMAT

Prinsip Perakaunan K1 N9

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm